

LAPORAN LATIHAN ILMIAH TAHUN AKHIR
WXES 3182

Perpustakaan SKTM

**PERLAKSANAAN SATU ALATAN PEMBACA
BAHASA MELAYU BERDASARKAN
PERBENDAHARAAN KATA TAK TERSEKAT**

Disediakan oleh :
JARINA MUHAMAD ISMAIL
WEK 990125

Penyelia :
PROF RAJA NOOR AINON
ZABARIAH RAJA ZAINAL ABIDIN

Laporan Latihan Ilmiah ini Diserahkan Kepada
Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Perpustakaan Universiti Malaya



A511275337

Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer
Dengan Kepujian

Februari 2004

ABSTRAK

Dunia teknologi pada masa kini, telah berkembang maju mengikut peredaran masa dalam pelbagai bidang. Perkembangan teknologi ini tidak juga mengabaikan golongan istimewa untuk menikmati kemajuan yang dikehendaki. Khususnya banyak perisian telah dibangunkan untuk golongan istimewa yang mempunyai masalah penglihatan. Di samping itu, keadaan ini tidak memenuhi sepenuhnya keperluan golongan tersebut. Ini adalah kerana semua perisian di pasaran ini adalah berasaskan bahasa Inggeris dan perisian untuk membantu golongan kurang penglihatan untuk membaca teks Bahasa Melayu belum wujud lagi. Oleh yang demikian, saya berhasrat untuk membangunkan satu perisian iaitu Perlaksanaan Satu Alatan Pembaca Bahasa Melayu Berdasarkan Perbendaharaan Kata Tak Tersekat sebagai tajuk Latihan Ilmiah saya.

Perisian ini akan dibangunkan oleh saya dengan bantuan Penyelia Prof. Raja Noor Ainon Zabariah Raja Zainal Abidin. Saya menjalankan kajian mengenai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh golongan kurang penglihatan dalam mengendalikan komputer. Setelah mengumpul masalah tersebut, ia akan dianalisis bagi mengatasi dan memenuhi kehendak dan keperluan golongan tersebut.

Oleh yang demikian, perisian alatan pembaca bahasa Melayu berdasarkan perbendaharaan kata tak tersekat dapat dibagunkan untuk menolong golongan ini menggunakan komputer untuk tujuan membaca dengan maksimum.

Pada amnya, pakej ini dibangunkan berdasarkan skedul pembangunan projek yang dirancang. Perisian yang dibangunkan ini terdiri daripada modul-modul, contohnya seperti modul File, modul Edit, modul Help dan sebagainya. Antara elemen-elemen yang digunakan untuk membangunkan perisian ini adalah Microsoft Visual Basic 6.0, Microsoft Access 2000, Microsoft Word, Gold Wave serta beberapa perisian yang terkini. Elemen yang sangat penting dalam perisian ini adalah sistem bunyi dan oleh itu, perisian penyunting audio Goldwave digunakan.

Tambahan pula, saya telah memilih metodologi RAD (Rapid Application Development) untuk menghasilkan projek ini. Metodologi ini dipilih kerana ia menyokong prototaip yang sesuai bagi sistem yang dibangunkan. Prototaip dikatakan amat sesuai kerana perubahan dapat dilakukan pada sistem sekiranya terdapat sebarang ketidakpuashatian pengguna.

Semasa menjalankan projek ini, saya dapat menimba banyak pengalaman dan ia dapat memantapkan pengetahuan yang amat bermakna bagi saya. Diharapkan bahawa pengalaman seperti nin dapat membantu saya di alam pekerjaan dengan pelbagai cara untuk mengendalikan sesuatu projek.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan rahmat dan limpah kurniahnya, saya berjaya menyiapkan Latihan ilmiah ini dalam masa yang ditetapkan dan mengikut kehendaknya. Semangat saya terus meningkat bila berdepan dengan pelbagai cabaran dan dugaan untuk meneruskan projek ini.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada selaku penyelia Prof. Raja Noor Ainon Zabariah Raja Zainal Abidin. Beliau telah memberi sokongan dari segi mental dan juga bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang pembangunan sistem ini. Di samping itu, saya turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Nazean Jomhari selaku moderator saya yang sudi meluangkan masa untuk menilai hasil kerja saya.

Tambahan pula, ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan saya yang memberi sokongan moral dan membantu menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga bagi kedua-dua ibu bapa saya yang memberi sokongan moral dan bantuan kewangan sepanjang menyiapkan hasil kerja saya.

Akhir sekali saya mengenang dan menghargai segala baik daripada semua pihak yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung. Kerjasama semua pihak untuk menjayakan projek saya tanpa sebarang gangguan dan kemosyikilan.

Sekian terima kasih.

Wassalam

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA

Abstrak	I
Penghargaan	III
Kandungan	IV
Senarai Rajah	IX
Senarai Jadual	IX

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.1.1 Penggunaan Komputer di Kalangan Golongan Kurang Penglihatan	3
1.2 Motivasi Sistem	5
1.3 Objektif Sistem	6
1.4 Skop Sistem	7
1.5 Kepentingan Sistem	8
1.6 Skedul Pembangunan Sistem	9
1.7 Kandungan Laporan	11

BAB 2 : KAJIAN LITERASI

2.1 Tujuan	13
2.2 Kajian Literasi / Penyelidikan	14

2.2.1	Sumber Pengumpulan Maklumat	14
2.2.1.1	Perbincangan Dengan Penyelia	14
2.2.1.2	Enjin Carian (Search Engine)	15
2.2.1.3	Bilik Dokumen	15
2.2.1.4	Pengguna Sistem	16
2.2.1.5	Temuramah	16
2.2.1.6	Perpustakaan	17
2.3	Definasi dan Istilah Sistem	18
2.3.1	Definasi Golongan Cacat Penglihatan	19
2.3.1.1	Kategori Kecacatan Mata	20
2.3.2	Definasi Antaramuka Pengguna	22
2.4	Kajian Tentang Rekabentuk Teks Untuk Memenuhi Keperluan Golongan Yang Mempunyai Masalah Penglihatan	24
2.4.1	Jenis Tulisan (Typeface)	24
2.4.2	Jenis Saiz	25
2.4.3	Italik, Huruf Besar dan Jenis Pemberat	26
2.4.4	Penomboran	27
2.4.5	Ruang Interlinear	27
2.4.6	Panjang Baris dan Penghujung Baris	28
2.4.7	Penetapan Mod	28
2.4.8	Ruang Perkataan dan Perenggan	28

2.4.9 Pengkepala (Heading)	29
2.4.10 Rekabentuk dan Layout	30
2.5 Kajian Terhadap penukar Text – To – Speech	31
2.5.1 Pengenalan Terhadap Piawai Melayu (SM)	31
2.5.2 Metod Sintesis	31
2.5.3 Penukaaran Text – To – Speech	33
2.5.3.1 Prapemprosesan Teks	35
2.5.3.2 Transkripsi Grapheme – To – Phoneme	35
2.5.3.3 Undang – Undang Huruf ke Bunyi	36
2.6 Kajian Terhadap Perisian Sedia Ada	37
2.6.1 Perisian JAWS	37
2.6.2 Alat Bantu Membaca Bagi Golongan Kurang Penglihatan Dalam Teks Bahasa Melayu	
2.6.2.1 Huraian Perisian	38
2.6.2.2 Kelebihan Sistem	38
2.6.2.3 Kukurangan Sistem	39
BAB 3 : METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	40
3.2 Objektif	40
3.3 Pendekatan Pembangunan	41

3.4	RAPID APPLICATION DEVELOPMENT (RAD)	42
3.4.1	Kebaikan Menggunakan RAD	47
3.4.2	Keburukan Menggunakan RAD	48
 BAB 4 : ANALISA SISTEM		
4.1	Definasi Analisa Sistem	49
4.2	Objektif Analisa Sistem	51
4.3	Analisa Masalah	52
4.3.1	Kajian Kes : Pelajar Yang Mengalami Kecacatan Mata	53
4.3.2	Temuramah : Pensyarah Fakulti Bahasa Dan Linguistik	55
4.3.3	Kajian Sitem Yang Sedia Ada	56
4.4	Analisa Keperluan	57
4.4.1	Keperluan Sistem	57
4.4.1.1	Keperluan Perkakasan	58
4.4.1.2	Keperluan Aplikasi	58
4.4.1.3	Pemilihan Aplikasi – Visual Basic 6.0	59
4.4.1.4	Pemilihan Aplikasi Audio – Soundforge	60
4.4.2	Analisis Keperluan	61
4.4.2.1	Keperluan Fungsian	61
4.4.2.2	Keperluan Bukan Fungsian	63
4.5	Analisa Keputusan	67

BAB 5 : REKABENTUK SISTEM

5.1	Pendahuluan	69
5.2	Rekabentuk Struktur	70
5.2.1	Carta Berstruktur	70
5.3	Rekabentuk Antaramuka	73
5.3.1	Skrin Antaramuka	75
5.3.2	Carta Alir	79
5.4	Rekabentuk Text – To – Speech	81
5.4.1	Kategori Syllable	81
5.4.2	Algoritma bagi Dua Sukukata	82
5.4.3	Algoritma Bagi Sebarang Sukukata	84

BAB 6 : PENGATURCARAAN

6.1	Pendahuluan	86
6.2	Peralatan Pengaturcaraan	86

BAB 7 : PENGUJIAN 103

BAB 8 : PENILAIAN PROJEK 107

BAB 9 : KESIMPULAN 111

BAB 10 : RUJUKAN 112

BAB 11 : LAMPIRAN

Manual Pengguna

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	:	Interaksi antara pengguna dengan komputer	23
Rajah 2.2	:	Proses penukaran text-to-speech	34
Rajah 2.3	:	Antaramuka Peralatan Membaca Bagi Golongan Kurang Penglihatan	38
Rajah 3.1	:	Rapid Application Development	44
Rajah 4.1	:	Carta Analisis Tugas Berhirarki	68
Rajah 5.1	:	Hirarki Antaramuka	70
Rajah 5.2	:	Modul Fail	71
Rajah 5.3	:	Modul Sunting	71
Rajah 5.4	:	Modul Mengenai	72
Rajah 5.5	:	Rekabentuk menu utama	75
Rajah 5.6	:	Rekabentuk menu Fail	76
Rajah 5.7	:	Rekabentuk menu Sunting	77
Rajah 5.8	:	Rekabentuk menu Mengenai	78
Rajah 5.9	:	Antaramuka Sistem	79
Rajah 5.10	:	Carta Alir untuk capaian utama perisian	81

SENARAI JADUAL

Jadual 5.1	:	Penerangan mengenai simbol Carta Alir	79
------------	---	---------------------------------------	----

PENGENALAN

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pada era teknologi ini, pelbagai sistem atau perisian diwujudkan. Dunia teknologi ini tidak juga mengabaikan golongan istimewa khususnya yang mempunyai masalah penglihatan. Golongan cacat atau istimewa ditakrifkan sebagai golongan yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak dapat hidup sepenuhnya disebabkan kekurangan sama ada dari segi mental dan fizikal atau sama ada semenjak lahir atau kemudiannya itu. (Jabatan Kebajikan Masyarakat). Golongan kurang penglihatan yang terlibat dalam bidang akademik memerlukan satu perisian untuk membaca teks dalam Bahasa Melayu.

Sistem atau perisian yang akan dibangunkan ini bertujuan membantu golongan kurang penglihatan membaca teks Bahasa Melayu. Sistem ini akan membekalkan sebutan (speech) bagi teks yang akan diinputkan oleh pengguna. Perisian ini akan membekalkan satu pangkalan data dengan sebutan bagi semua sukukata dalam Bahasa Melayu yang mana akan dicapai oleh sistem apabila teks diinputkan, seterusnya sebutan bagi sukukata akan dikeluarkan.

Walaupun terdapat banyak perisian di pasaran, semuanya adalah dalam bahasa yang berlainan kecuali Bahasa Melayu. Sistem yang sedia ada dalam Bahasa Melayu iaitu yang dibangunkan oleh saudari Jasmin Nisyah tidak dapat mengenal dan mengeluarkan sebutan bagi banyak perkataan. Keadaan ini mendorong saya untuk membangunkan satu sistem yang menyimpan sukukata untuk membaca teks Bahasa Melayu. Diharapkan bahawa sistem yang akan dibangunkan akan membantu golongan kurang penglihatan membaca teks Bahasa Melayu tanpa sebarang penyekatan perbendaharaan kata.

1.1.1 PENGGUNAAN KOMPUTER DI KALANGAN GOLONGAN KURANG PENGLIHATAN

Komputer mempunyai fungsi dan kemampuan yang sungguh besar dalam melicinkan perjalanan aktiviti komunikasi dan pengedaran informasi, khususnya pada era teknologi maklumat. Disebabakan itulah semua golongan manusia mencari jalan yang paling sesuai dengan diri dan kepentingan mereka untuk turut serta menikmati faedah dari keistimewaan alat ini bagi mencapai segala tujuan yang dihajati. Dalam hal ini, orang cacat penglihatan juga merupakan salah satu kategori komuniti manusia yang turut serta mengejar menikmati keistimewaan alat tersebut bagi memenuhi tujuan tersebut. Tambahan dengan ketiadaan daya penglihatan yang sempurna menjadi penghalang terbesar kepada kesempurnaan perjalanan proses komunikasi dan usaha-usaha memperolehi maklumat di kalangan mereka. Komputer merupakan batu loncatan untuk memenuhi segala keperluan dan mengatasi beberapa masalah kehidupan yang merumitkan mereka.

Dengan adanya teknologi moden serta perkembangan bidang sains ia dapat menyelesaikan masalah membaca bagi golongan ini. Masalah utama adalah kekurangan bahan rujukan serta bahan dalam tulisan Braille yang terkini dan secukupnya. Dengan adanya *scanner* golongan ini boleh membaca bahan-bahan bercetak seperti buku, risalah, akhbar dan dokumen-dokumen lain. Malah alat *scanner* yang terbaru mampu membaca tulisan tangan yang piawai.

Alat pengimbas ini dihubungkan dengan kemudahan komputer yang dilengkapi dengan alat pesuara. Maklumat yang diimbas akan disimpan dalam komputer dan kemudiannya dituturkan melalui alat pesuara. Dengan cara ini membolehkan mereka mengetahui maklumat yang terdapat dalam dokumen bercetak yang mahu dibaca. Dokumen yang telah siap diimbas akan dicetak ke dalam bentuk tulisan Braille dengan bantuan mesin pencetak Braille.

1.2 MOTIVASI SISTEM

Ke arah menuju dunia teknologi semua bidang melibatkan penggunaan komputer. Maka, golongan kurang penglihatan juga tidak patut ketinggalan dalam penggunaan komputer. Mereka perlu diberi kemudahan yang secukupnya untuk menyelami dunia perkomputeran. Dengan menitikberatkan faktor ini saya amat berminat untuk membangunkan satu sistem perlaksanaan alatan pembaca Bahasa Melayu berdasarkan perbendaharaan kata tak tersekat. Dengan adanya sistem ini dapatlah menikmati pelbagai kebaikan. Antara faktor yang menggalakkan saya untuk membangunkan sistem ini ialah:

- Tiada perisian dalam teks Bahasa Melayu di pasaran.
- Sistem yang dibangunkan terlebih dahulu tidak dapat mengenal kebanyakan perkataan.
- Generasi muda masih tidak fasih penggunaan sebutan baku Bahasa Melayu.
- Golongan kurang penglihatan memerlukan satu perisian yang dapat membaca semua perkataan Bahasa Melayu bagi semua perkataan tanpa sebarang penyekataan perbendaharaan kata.
- Teknologi sebutan (speech) pesat berkembang dan dapat digunakan bagi Bahasa Melayu juga.

1.3 **OBJEKTIF SISTEM**

Berdasarkan motivasi sistem, perisian alatan pembaca bahasa Melayu berdasarkan perbendaharaan kata tak tersekat akan dibangunkan. Demi kejayaan sistem, beberapa objektif utama telah digariskan supaya dapat membangunkan sistem tersebut berdasarkan kehendak dan keperluan pengguna. Antaranya ialah :

- Supaya golongan kurang penglihatan dapat membaca teks Bahasa Melayu yang sukar dilihat melalui fokus penglihatan mereka.
- Supaya golongan kurang penglihatan dapat membaca teks Bahasa Melayu berdasarkan perbendaharaan kata tak tersekat.
- Supaya menggalakkan pembacaan teks Bahasa Melayu dan bukan hanya terhad kepada teks Bahasa Inggeris sahaja.
- Supaya dapat membaca semua perkataan Bahasa Melayu dengan tersimpannya semua sukukata dalam pangkalan data
- Supaya pembelajaran perkataan Bahasa Melayu ditingkatkan tarafnya dengan sebutan baku yang betul.

1.4 SKOP SISTEM

Perisian ini dibangunkan supaya memberi bantuan kepada golongan kurang penglihatan untuk membaca teks Bahasa Melayu berdasarkan perbendaharaan kata tak tersekat. Skop sistem terbahagi kepada dua iaitu :

- Melaksanakan kajian dan soal selodik dari golongan kurang penglihatan yang responden terdiri daripada
 - a. golongan kurang penglihatan di fakulti Bahasa Dan Linguistik
 - b. golongan kurang penglihatan di fakulti Sastera dan Sains Sosial
 - c. golongan kurang penglihatan di Persatuan Orang Buta Malaysia
- Sistem
 - a. menolong membaca teks dengan sistem teks kepada sebutan atau Text – To – Speech System (TTS)
 - b. menolong membaca teks Bahasa Melayu dengan sebutan baku yang betul
 - c. membangunkan satu modul yang menggunakan satu sistem perubahan TTS yang tak tersekat bagi sintesis bersegmen pertuturan Bahasa Melayu.

1.5 KEPENTINGAN SISTEM

Dengan membangunkan sistem, perlaksanaan satu alatan pembaca Bahasa Melayu berdasarkan perbendaharaan kata tak tersekat dapat menguntungkan pelbagai pihak. Perisian ini berfaedah kepada pengguna sistem iaitu golongan kurang penglihatan dan juga golongan yang ingin belajar sebutan baku Bahasa Melayu yang betul.

Dalam pada itu, golongan kurang penglihatan dapat membaca teks Bahasa Melayu tanpa sebarang penyekataan bagi kata. Dengan ini pembacaan bahan bacaan Bahasa Melayu dapat ditingkatkan di kalangan golongan kurang penglihatan. Mereka tidak harus bergantung hanya kepada teks Bahasa Inggeris sahaja. Mereka juga mengenal pasti perkataan Bahasa Melayu kerana hanya perkataan Bahasa Melayu dapat dikenalpasti mengikut penyusunan sukukata.

Tambahan pula, golongan yang ingin belajar Bahasa Melayu juga dapat memperolehi sebutan baku yang betul. Generasi muda tidak perlu bergantung kepada sesiapa untuk mengetahui sebutan baku yang betul. Dengan perisian ini mereka dapat belajar sendiri.

1.8 SKEDUL PEMBANGUNAN SISTEM

Skedul pembangunan sistem adalah penting untuk menetapkan jangka masa bagi sesuatu aktiviti yang terlibat dalam sistem. Laporan dan perisian bagi Perlaksanaan Satu Alatan Pembaca Bahasa Melayu Berdasarkan Perbendaharaan Kata Tak Tersekat bagi golongan kurang penglihatan ini memerlukan perancangan yang teliti supaya dapat mencapai segala objektif yang digariskan terlebih dahulu. Oleh yang demikian setiap aktiviti yang dijalankan merangkumi fasa-fasa berikut ;

- i. Kajian Awal
- ii. Analisa Sistem
- iii. Rekabentuk Sistem
- iv. Perlaksanaan Sistem
- v. Pengujian Sistem

i. Kajian Awal

- Dalam fasa ini objektif bagi sistem yang akan dibangunkan ditentukan
- Keperluan – keperluan sistem ditentukan
- Skedul projek ditentukan mengikut keutamaan fasa-fasa
- Model pembangunan sistem dipilih dan ditentukan bagi perlaksanaan modul pembangunan sistem

ii. Analisa Sistem

- Masalah- masalah bagi dikaji dan dianalisis
- Keperluan- keperluan sistem dianalisis dan ditentukan
- Analisis keputusan dikaji

iii. Rekabentuk Sistem

- Rekabentuk antaramuka bagi sistem direka mengikut kesesuaian
- Sistem akan dibina berdasarkan rekabentuk

iv. Perlaksanaan Sistem

- Penggunaan Visual Basic dipelajari dan kemudian akan membangunkan sistem

v. Pengujian Sistem

- Rekabentuk data
- Menguji modul- modul
- Membandingkan keputusan

1.6 KANDUNGAN LAPORAN

BAB 1 : PENGENALAN

Dalam bab ini sistem yang akan dibangunkan diterangkan secara ringkas. Ia merangkumi pendahuluan, motivasi, objektif, skop, kepentingan sistem, skedul pembangunan sistem dan carta Gantt.

BAB 2 : KAJIAN LITERASI

Dalam bab ini penyelidikan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem diterangkan. Ia merangkumi sumber pengumpulan maklumat.

BAB 3 : METODOLOGI

Bab ini menerangkan tentang metodologi yang dipilih mengikut kesesuaian sistem. Ia akan menerangkan tentang metodologi yang dipilih iaitu Rapid Application Development (RAD).

BAB 4 : ANALISIS SISTEM

Dalam bab ini akan dibincangkan tentang analisis masalah, analisis keperluan dan analisis keputusan.

BAB 5 : REKABENTUK SISTEM

Bab ini akan menerangkan semua rekabentuk antaramuka, skrin dan lain-lain lagi mengikut kesesuaian.

BAB 6 : PENGATURCARAAN

BAB 7 : PENGUJIAN

BAB 8 : PENILAIAN PROJEK

BAB 9 : KESIMPULAN

BAB 10 : RUJUKAN

BAB 11 : LAMPIRAN

BAB 12 : MANUAL PENGGUNA

misalnya dalam penulisan dan kredensial yang tidak difungsikan
baik untuk mengidentifikasi penulis yang berada di bawahnya
dalam bentuk tulisan tangan atau tanda tangan, tetapi juga untuk
menunjukkan bahwa tulisan tersebut adalah karya sastra yang asli atau
hasil kerja kolaborasi antara beberapa penulis.

KAJIAN LITERASI

KAJIAN LITERASI

2.1 TUJUAN

- i. untuk mengumpul maklumat bagi sistem yang akan dibangunkan
- ii. untuk mengkaji dan menilai perisian yang sedia ada yang mempunyai konsep yang sama atau berkaitan berdasarkan kekuatan dan kelemahan sistem tersebut, di samping membaiki kelemahan sistem yang sedia ada.
- iii. Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang konsep yang terlibat dalam sistem yang akan dibangunkan, di samping membandingkan beberapa perisian, peralatan dan pendekatan yang akan digunakan bagi mendapatkan hasil dan penyelesaian yang terbaik.

2.2 KAJIAN LITERASI / PENYELIDIKAN

Kajian dilakukan dengan pelbagai kaedah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan kurang penglihatan dalam pembacaan teks Bahasa Melayu. Dalam usaha ini, kajian dilakukan dengan pembacaan buku-buku rujukan, kertas kerja, jurnal majalah dan juga melalui media elektronik seperti laman web internet. Selain daripada itu, maklumat dikumpulkan melalui temuramah dengan pelbagai pelbagai pihak seperti pensyarah, kakitangan di Persatuan Orang Buta Malaysia, pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Berdasarkan kajian ini perisian yang akan dibangunkan dengan lebih sistematik.

2.2.1 SUMBER PENGUMPULAN MAKLUMAT

Dalam usaha mendapat meklumat, saya telah menjalankan pelbagai kaedah. Sumber-sumber yang dirujuk dipastikan betul, lengkap dan jelas. Antara sumber-sumber yang dirujuk ialah perbincangna dengan penyelia, enjin carian, bilik dokumen, pengguna sistem, temuramah dan perpustakaan.

2.2.1.1 PERBINCANGAN DENGAN PENYELIA

Temujanji diadakan dengan penyelia Prof. Raja Noor Ainon Zabariah Raja Zainal Abidin untuk mengenalpasti aspek-aspek kepentingan berkenaan projek dari segi definasi projek,

skop projek, keprluan analisis, sasaran pengguna dan lain-lain lagi. Sepanjang menjalankan projek ini pelbagai panduan telah diberikan oleh Prof. Raja Noor Ainon Zabariah Raja Zainal Abidin bagi melancarkan lagi perjalanan pembangunan projek.

2.2.1.2 ENJIN CARIAN (SEARCH ENGINE)

Pelayaran internet turut memberikan sumber informasi kepada perisian yang akan dibangunkan. Internet dapat memberikan segala bentuk informasi tentang sesuatu bidang atau aspek. Terdapat beberapa enjin carian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat. Antaranya ialah :

- i. www.google.com
- ii. www.altavista.com
- iii. www.msn.com
- iv. www.yahoo.com

Tinjauan ke atas laman web ini memberikan maklumat tentang perisian-perisian yang sedia ada dalam pasaran berdasarkan ‘text – to speech system’.

2.2.1.3 BILIK DOKUMEN

Bilik dokumen merupakan sumber untuk mengumpul maklumat tentang perisian-perisian serta dokumentasi bagi perisian tersebut yang disediakan oleh pelajar-pelajar

terdahulu. Ia membantu pembangunan sistem berdasarkan maklumat relevan yang diperolehi berkenaan Alatan Pembaca Bahasa Melayu bagi Perbendaharaan Kata Tak Tersekat. Rujukan tersebut dapat memberi gambaran dan kelebihan untuk membangunkan sistem tersebut.

2.2.1.4 PENGGUNA SISTEM

Dalam pembangunan sistem ini, pengguna sistem merupakan sumber maklumat yang sangat penting. Ia memberi gambaran yang jelas tentang aktiviti perisian selaras dengan kehendakdan keperluan pengguna. Mereka ini dapat memberikan aspek yang perlu ditekankan dalam sistem dengan cirri- cirri bagi aspek itu. Ini dapat membantu menghasilkan sistem mengikut kehendak pengguna berdasarkan kesesuaian mereka.

2.2.1.5 TEMURAMAH

Temuramah dan tinjauan ke lokasi yang sesuai iaitu di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Kolej Kediaman Ketujuh dan Persatuan Orang Buta Malaysia. Temuramah diadakan ke atas pelajar iaitu Muhamad Arshad tahun pertama dalam Sarjana Sastera dan Sains Sosial dan beliau memberikan masalah- masalah yang dihadapi olehnya bila menggunakan komputer. Beliau memberi komen terhadap perisian yang sedia ada dan turut mencadangkan beberapa aspek yang perlu dititikberatkan dalam pembinaan perisian.

Selain itu, Pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik iaiti Encik Malek ditemuramah untuk mengetahui sintaks- sintaks dalam Bahasa Melayu.

2.2.1.6 PERPUSTAKAAN

Maklumat mengenai golongan kurang penglihatan didapati daripada buku- buku yang diperolehi dari perpustakaan. Rujukan tersebut memberi pemahaman secara umum tentang keperluan golongan ini. Ia memberi gambaran dan perspektif tentang kecacatan yang dihadapi oleh mereka. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Utama, Perpustakaan Zaaba dan Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik.

2.3 DEFINISI DAN ISTILAH SISTEM

2.3.1 DEFINISI GOLONGAN CACAT PENGLIHATAN

Mata adalah satu deria yang sangat berharga kepada manusia. Jika mata tidak lagi berfungsi, segala keindahan alam tidak lagi dapat dinikmati. Untuk mengetahui, memahami dan menafsir dunia luar merupakan fungsi otak, pengalaman serta mata kita. Jadi kecacatan dalam penglihatan ini boleh menghalang pemahaman seseorang individu terhadap dunia seperti sedia kala.

Definisinya jika dilihat dari segi undang-undang, ia melibatkan penilaian ketajaman penglihatan dan medan penglihatan iaitu seseorang yang buta di sisi undang-undang mempunyai ketajaman penglihatan 20/20 atau kurang dengan mata yang lebih baik penglihatannya walaupun dengan pembetulan. Melalui sistem klasifikasi undang-undang ini juga, orang yang kabur penglihatannya mempunyai ketajaman penglihatan di antara 20/70 dengan 20/200 dengan mata yang lebih baik penglihatannya.

Bagi pendidikan, individu yang buta ini terpaksa belajar membaca dengan menggunakan sistem tulisan braille ataupun menggunakan kaedah mendengar iaitu pita audio dan rakaman. Bagi individu yang tergolong dalam penglihatan rendah pula ialah mereka yang tidak sempurna penglihatannya serta dapat membaca tulisan cetak walaupun mereka memerlukan alat-alat pembesar atau buku yang memakai huruf cetak yang besar. Sesetengah individu yang rendah daya penglihatannya akan menghadapi menghadapi

keadaan di mana terpaksa mempelajari Braille untuk persediaan apabila mereka sudah mencapai ke tahap tidak lagi dapat membaca bahan cetak dengan berkesan. Dari sini secara tidak langsung terdapatnya beberapa klasifikasi bagi kanak-kanak yang cacat penglihatan ini. Klasifikasi pendidikan berdasarkan penyesuaian-penesuaian khas perlu bagi menolong kanak-kanak ini belajar. Bagi kecacatan penglihatan yang sederhana, ia boleh dibantu dengan alat bantu pandang manakala ia tidak berkesan bagi yang mengalami kecacatan yang berat kerana tidak dapat menggunakan penglihatannya sebagai pembelajaran.

Namun apa yang hendak diberi penekanan di sini ialah melihat kepada masalah atau cabaran yang dihadapi oleh golongan cacat penglihatan ini bagi memasukkan diri mereka dalam masyarakat serta pembentukan personaliti dalam membangunkan diri mereka. Banyak cabaran yang harus dihadapi oleh golongan cacat penglihatan ini dan ini secara tidak langsung juga melibatkan keluarga serta golongan yang mendidik mereka. Individu ini mesti dibentuk dalam membolehkan mereka berdikari seterusnya mempunyai kehidupan sendiri yang mana tidak perlu bergantung kepada bantuan atau belas kasihan dari orang lain. Dalam proses pembentukan ini, keluarga memainkan peranan penting dalam memberi sokongan dan dorongan di samping terdapatnya pendidikan yang diterapkan oleh pihak sekolah. Malah keprihatinan masyarakat sekitar juga sama pentingnya dalam membolehkan golongan ini mempunyai keyakinan diri dalam melakukan sesuatu kerja. Pembentukan personaliti adalah penting terutamanya dari peringkat awal dalam membentuk diri yang sentiasa berfikiran positif.

2.3.1.1 KATEGORI KECACATAN MATA

Golongan yang mengalami kecacatan mata boleh dikategorikan dalam 7 kumpulan. Antaranya ialah :

❖ Tiada kecacatan :

Mereka dikatakan normal dan tidak memerlukan sebarang alat bantuan untuk tujuan penglihatan

❖ Kecacatan penglihatan sedikit ‘slight’ :

Mampu melihat tanpa sebarang alat bantuan khas, tetapi mungkin memerlukan pengurangan jarak membaca

❖ Kecacatan penglihatan sederhana ‘moderate’

Hamper mencapai tahap normal, tetapi menggunakan alat bantuan khas seperti kanta dan sebagainya.

❖ Kecacatan penglihatan serius ‘severe’

Boleh melihat dengan alat bantuan, tetapi pada tahap yang kurang. Contohnya keterbatasan membaca, daya tahan dan lain-lain.

- ❖ Kecacatan penglihatan yang mendalam ‘profound’
 - Tidak boleh melihat dan menghadapi banyak masalah bagi tujuan- tujuan membaca dan mobility sehingga bergantung kepada deria lain serta seumpamanya.
- ❖ Kecacatan penglihatan yang hamper ‘total’
 - Tidak boleh bergantung kepada penglihatan, bergantung kepada deria lain.
- ❖ Kecacatan penglihatan ‘total’
 - Tiada penglihatan sama sekali dan bergantung kepada deria lain sepenuhnya.

2.3.2 DEFINISI ANTARAMUKA PENGGUNA

Antaramuka pengguna ialah bahagian sistem komputer yang membolehkan manusia berinteraksi dengan komputer dengan mudah. Antaramuka pengguna merangkumi :

- i) Bahagian perkakasan komputer yang membolehkan pengguna berinteraksi dengannya seperti skrin, papan kekunci, tetikus, suis dan sebagainya.
- ii) imej yang kelihatan pada skrin seperti tetingkap, menu, mesej dan bantuan.
- iii) Dokumentasi seperti manual pengguna dan kad rujukan.

Tanpa antaramuka, maka pengguna tidak mempunyai hak capaian ke bahagian dalaman sistem komputer. Tujuan utama antaramuka ialah untuk membolehkan sistem komputer boleh digunakan oleh pengguna. Dengan kata lain, kualiti yang paling penting dalam antaramuka adalah kebolehgunaannya. Kebolehgunaan juga termasuklah mudah digunakan dan efektif. Walau bagaimanapun tidak mudah untuk menjadikan suatu antaramuka itu mudah digunakan kerana kebolehgunaan melinatkan menyesuaikan sistem komputer dengan manusia, yang akan mewujudkan pelbagai isu psikologi yang kompleks, persepsi dan konsepsi.

2.4 KAJIAN TENTANG REKABENTUK TEKS BAGI GOLONGAN KURANG PENGLIHATAN

2.4.1 Jenis Tulisan (Typeface)

Pemilihan jenis tulisan (*typeface*) adalah kurang penting dari jenis saiz , berat dan ruang sesuatu aksara. Skrip , jenis bertajuk adalah kurang sesuai untuk teks yang berterusan.

Tiada kajian yang sahih yang dapat menyokong tulisan jenis sans serif (contohnya Arial dan Helvetica) berbanding jenis tulisan yang diatur berdekatan ‘serif’ (contohnya Times New Roman dan Century) . Tulisan yang diatur secara berdekatan adalah lebih mudah untuk dibaca dalam taks yang berterusan untuk bacaan biasa. Ini lebih menyerupai kepada teks cetakan.

Sesetengah institusi seperti Kesatuan Penglihatan Partial (Partially Sighted Society) merekomendkan kegunaan tulisan jenis sans serif seperti Helvetica apabila menghasilkan dokumen untuk golongan yang mempunyai masalah penglihatan. Helvetica Bold telah diambil secara meluasnya sebagai keputusan dari sesetengah ujikaji yang dijalankan sekitar 1970 – an. Kini , terdapat keputusan dari penyiasatan yang dijalankan ke atas jenis tulisan yang lebih banyak.Daripada hasil ujikaji tersebut , ramai yang mencadangkan supaya mengelak daripada menggunakan font yang light-appearing .

2.4.2 Jenis Saiz

Untuk penglihatan tidak seluruh jenis 14pt (purata ketinggian 2.5mm) adalah dicadangkan sebagai yang paling minimum. Kadangkala 16pt dan 18pt juga diperlukan untuk sesetengah pembaca yang mempunyai masalah penglihatan. Tiada manfaatnya jika saiz tulisan melebihi 20pt.

Jenis yang dicadangkan itu sebenarnya bergantung kepada jenis tulisan serta pemberat yang digunakan. Untuk pembaca golongan biasa jenis saiz 8pt dan 10pt sudah memadai dan selalu digunakan. Royal National Institute of Blind (RNIB) yang terletak di United Kingdom menghalakan bahawa untuk semua teks bagi pembaca biasa adalah 12pt sebagai piawai.

Perbezaan di antara jenis titik saiz (point size) yang sama mempunyai saiz kemunculan (appearing sizes) yang berbeza. Saiz yang paling efektif sekali adalah jenis tulisan yang dikaitkan dengan ketinggian huruf kecil x :

20pt Arial 20pt Perpetua

2.4.3 Italik, Huruf Besar dan Jenis Pemberat

Jenis italic tradisional sepatutnya tidak digunakan untuk teks yang bersambungan untuk mana – mana kumpulan pembaca sekalipun. Untuk menekankan bahawa sesuatu perkataan atau frasa itu penting adalah lebih munasabah. Ini amat penting jika badan teks di dalam *semi – bold* ; kegunaan *bold* untuk penekanan mungkin tidak mencukupi. Contohnya , tajuk buku dsbnya perlu diitalikkan dalam teks untuk pembaca golongan biasa.

Versi italic untuk jenis *seriffied* (yang diatur secara berdekatan) berbeza dari persamaan roman – sesetengah mungkin sesuai untuk pembaca golongan yang mempunyai masalah penglihatan.Versi italic untuk jenis sans – serif biasanya versi roman dan sepatutnya tidak menimbulkan sebarang masalah yang sama .



Baskerville italic
Arial italic

Teks yang ditulis dalam semua huruf besar adalah lebih susah untuk dibaca daripada normal – case untuk teks yang berterusan . Walaubagaimanapun , satu atau dua huruf yang ditetapkan dalam huruf besar tidak akan menimbulkan sebarang masalah

untuk membaca . Kerana ia lebih besar , huruf besar adalah lebih mudah dilihat dari huruf kecil, jadi lebih sesuai untuk label.

Kecenderungan untuk menetapkan teks yang dihitamkan (bold) kerana perbandingannya terhadap satu kertas putih.Walaubagaimanapun , hasil pencarian terkini mencadangkan pemberat medium atau semi – bold adalah lebih sesuai.

2.4.4 Penomboran

Adalah penting sesuatu nombor itu adalah lebih jelas . Ini amat penting untuk dokumen vital seperti bil , penyata bank dan akaun. Sesetengah jenis tulisan yang mempunyai nombor adalah senang untuk berlakunya pengeliruan , contohnya 3 , 5 dan 8 , begitu juga dengan 0 dan 6 .

Begitu juga , nombor satu , 1 , boleh terkeliru dengan ‘ I ’ dan ‘ l ’ juga.Nombor berkunci adalah lebih jelas daripada sengkang menegak yang lurus ‘ 1 ’. Pilih jenis tulisan yang mempunyai nombor yang jelas.

2.4.5 Ruang Interlinear

Tinggalkan ruang yang sesuai antara jenis beris. RNIB mencadangkan ruang interlinear perlu sekurang – kurangnya +2pt untuk jenis antara 14pt dan 20pt ,contohnya , untuk 14pt perlulah 16pt untuk permulaan. Ini bergantung kepada panjang baaaris dan

ketinggian – x jenis yang kamu sedang gunakan . Ada juga pendapat mencadangkan menambahkan 25 hingga 30 peratus saiz titik teks antara baris.

2.4.6 Panjang Baris dan Penghujung Baris

Untuk panjang baris , julat yang sesuai adalah 50 –60 aksara. Sesetengah golongan ini lebih suka baris yang lebih pendek dari ini.

Bagi penghujung baris pula , pemecahan huruf di akhir baris perlu dielakkan.

2.4.7 Peneetapan Mod

Untuk mod *unjustified* perlulah digunakan , teks perlu dianjakkan ke kanan , teks perlu dengan ruang perkataan yang sama. Teks tidak perlu di justified kan : ini akan mewujudkan keadaan di mana ruang perkataan yang tidak sama dan akan menyukarkan pembacaan. Ini wujud untuk pengkaji di kalangan pembaca biasa yang mencadangkan teks yang tidak di justified kan lebih mudah dibaca pada keupayaan membaca – untuk pembaca permulaan dan dalam lampu yang malap.

2.4.8 Ruang Perkataan dan Perenggan

Ruang perkataan yang sama atau genap amat digalakkan. Dalam sesetengah dokumentasi memang jadi tradisi untuk menggunakan double – spacing . Ini belum

dibuktikan secara kajian lagi . Walau ia membantu sesetengah pembaca , ada juga yang sukar untuk membaca menggunakan double – spacing.

Antara perenggan perlu ditinggalkan. Sepatutnya ruang antara perenggan mesti lebih berbanding antara baris. Selain itu, untuk menetapkan perenggan seperti mengetengahkan baris pertama (indenting the first line) , menggunakan butang – butang kecil (bullet) atau asterik , menyebabkan teks sukar untuk dibaca oleh pembaca yang mempunyai masalah penglihatan.

2.4.9 Pengkepala (Heading)

Pengkepala sepatutnya berbeza dari teks utama dengan menggunakan kombinasi saiz , pemberat dan ruang. Huruf besar tidak sesuai digunakan sebagai pengkepala . jenis tulisan yang kedua seperti sans serif dibandingkan dengan badan serif boleh digunakan , tetapi tiada kajian yang spesifik telah dibuat untuk membuktikan keefektifannya.Pengkepala yang dihitamkan adalah amat jelas selagi wujud perbezaan antara pemberat pengkepala dengan teks tersebut.

Pengkepala nampak mudah dibaca apabila diletakkan ke kiri teks. Ia belum dibuktikan samaada pengkepala yang diltakkan di tengah susah untuk dibaca berbanding yang diletakkan ke kiri , walaupun secara logiknya ia amat mudah.

Ruang yang banyak adalah cukup untuk membezakan dari teks utama. Pada masa dulu , dokumen untuk pembaca yang mempunyai masalah penglihatan selalunya menggunakan pengkepala bergaris. Tiada bukti yang kukuh membantu kebolehbacaaan.

2.4.10 Rekabentuk dan Layout

Layout sepatutnya mudah dan jelas untuk dikenalpasti patten untuk peringkat pengkepala, siatem penomboran dan rawatan maklumat spesifik. Margin untuk mukasurat teks membantu pembacaaan .

Jika teks disetkan dalam lajur ruang antara lajur sepatutnya banyak. Jika ruang adalah terhad , gunakanlah peraturan menegak. Ia membantu menyediakan pertolongan navigasi untuk pembaca , sebagai senarai kandungan untuk dokumen yang mempunyai banyak mukasurat , dan peraturan adalah untuk memisahkan seksyen yang tidak berkaitan. Peluru boleh membantu senarai berstruktur.

2.5 KAJIAN TERHADAP PENUKAR TEXT – TO – SPEECH

2.5.1 PENGENALAN KEPADA PIAWAI MELAYU (SM – STANDARD MALAY)

Piaawai Melayu (SM) merangkumi 3 aspek iaitu konsonan utama, konsonan sekunder dan vocal. Terdapat 19 huruf konsonan utama dalam Bahasa Melayu iaitu (/p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, /ʔ/, /m/, /n/, /ŋ/, /ts/, /s/, /h/, /r/, /l/, /w/ dan /j/. Selain itu, juga terdapat 8 konsonan sekunder (/f/, /v/, /ð/, /ð/, /z/, /ʃ/, /χ/, dan /θ/. Kedua-dua ini dipinjam daripada bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Di samping itu, terdapat 6 vokal iaitu /i/, /e/, /ə/, /a/, /o/ dan /u/.

2.5.2 METOD SINTESIS

Dalam penghasilan piaawai Melayu yang berkualiti, empat jenis unit sintesis digunakan. Tiga unit daripadanya adalah lebih kurang sama dengan unit yang digunakan untuk mensintesis huruf Arab (El- Iman, 1990). Ianya adalah kluster konsonan – vocal (CV), kluster vocal konsonan, dan luster vocal – konsonan – vocal (VCV). Selain itu, kluster yang keempat ialah CC untuk membekalkan kepada pemunculan yang pelbagai dalam piaawai Melayu (SM), di mana ia selalunya muncul seperti word initial prefixes.

Piawai Melayu (SM) merangkumi 27 konsonan dan 6 vokal. konsonan boleh muncul dalam initial, medial dan posisi syllable yang tertutup. Untuk meng sintesis piawai Melayu (SM), kluster yang stabil terdiri daripada 162 transisi konsonan – vocal (yang dikenali sebagai CV), kluster 162 yang stabil transisi konsonan – vocal (dikenali sebagai CV), 972 kluster VCV dan 729 CC digunakan sebagai unit sintesis. Kesemuanya 2025 kluster diperlukan untuk meng sintesis piawai Melayu (SM).

Dalam realiti, hanya subset daripada kluster CC diperlukan. Ini adalah disebabkan, sesetengah kombinasi tidak akan muncul dalam bahasa. Contohnya perkataan ‘tradisi’ bermula dengan kluster ‘tr’ dan perkataan ‘skrip’ bermula dengan kluster ‘skr’. Ini bermakna jumlah unit sintesis yang perlu untuk meng sintesis piawai Melayu (SM) adalah lebih daripada 1372 unit yang digunakan untuk Arab.

Merit yang menggunakan metod ini adalah biasanya, yang mengaplikasikan gabungan segmen sintesis yang sesuai. Ianya adalah :


- i. segmen sintesis mesti mengakaun sebanyak mana kesan yang mungkin.
- ii. ia mesti disambungkan dengan mudah.
- iii. Ia mesti cukup pendek untuk meminimumkan saiz unit sintesis dan cukup panjang untuk mengurangkan density titik penyambungan.

Segmen sintesis terkini, mempunyai kesemua cirri- cirri tersebut kecuali bilangannya bukan kecil, dan metod ini menggunakan dua kali ganda bilangan init segmen.

Bagi kebanyakan bahasa, termasuk SM, coarticulation muncul semasa transisi antara keadaan bersedia sebahagian sebutan kejiranian. Disebabkan metod terkini berdasarkan pengklusteran vocal dan konsonan pada titik keadaan bersedia. Contohnya vocal /a/ dalam CV. Perkataan ‘CV’ bagi ‘mata’ /matə/, ia disntesikan mengikut metod terkini seperti CV + CVC, mengambil berat tentang dan oleh CV dan CVC kluster.

2.5.3 PENUKARAN TEXT – TO – SPEECH

Matlamat utama sistem TTS ialah untuk membaca mana- mana teks, memetik isi-isi penting daripada teks dalam kedua- dua keadaan bersegmen dan supersegmen. Dengan ini ia cuba menghasilkan sebutan bunyi yang seperti biasa. Masalah – masalah penukaran TTS ialah ia merentasi domain, digital signal processing (NLP). Kualiti bersegmen daripada sebutan pengsintesis memerlukan bahagian yang kecil daripada NLP untuk menghasikan sebutan yang berkualiti. Dalam keadaan ini, pilihan segmen sintesis dijalankan menerusi analisa fonologikal kepada bahasa sasaran untuk mengekalkan kualiti. Tambahan pula, teknik DSP mesti disertakan untuk memproses signal akustik dan melicinkan sebarang artifak muncul semasa penyambungan segmen sintesis.



Rajah 2.2: Proses penukaran text-to-speech

2.5.3.1 PRAPEMPROSESAN TEKS

Proses ini memerlukan modul – modul :

- a. pemisahan teks kepada unit diskrit seperti perkataan, frasa dan ayat.
- b. Penukaran akronim, abbreviation dan bukan alfanumerik kepada perkataan yang sesuai, contohnya aksara % kepada jujukan perkataan piawai Melayu (SM), “persen”, atau akronim INTAN kepada “Institut Awam Negara”.
- c. Penukaran nombor kepada perkataan yang sesuai, contohnya “20” kepada “dua puluh”.

Lexicon yang istimewa (abbreviations, akronim dan symbol). Setiap lexicon dibahagikan kepada dua bidang iaitu ortografi serta perwakilan jujukan SM. Contohnya,

% persen / peratus

$\frac{1}{2}$ satu per dua

? tanda soal

2.5.3.2 TRANSKRIPSI GRAPHEME – TO – PHONEME

Komponen Grapeme – To – Phoneme bertanggungjawab untuk ayat phoneziation dengan mengambil kra satu set undang- undang. Dalam pembangunan undang- undangn pakar linguistik dan pengetahuan phonetic digunakan.

2.5.3.3 UNDANG – UNDANG KE BUNYI

Ia beroperasi dalam input ortografi untuk mereka bunyi yang sesuai dalam bahasa piaawai Melayu (SM). Ia juga akan bergabung dengan setiap aksara ortografik, sesuatu phonemes dan bunyi sebutan.

2.6 KAJIAN TERHADAP PERISIAN YANG SEDIA ADA

1. PERISIAN JAWS (JOBS ACCESS WITH SPEECH)


JAWS adalah merupakan satu perisian pembaca skrin (screen reader) yang paling istimewa yang membolehkan orang-orang cacat penglihatan menggunakan perisian-perisian seperti OPAC, Netscape, Internet Explorer dan sebagainya untuk mengakses maklumat, membaca email atau faks dan menyemak butir-butir bibliografi mengenai koleksi Perbadanan.

Perisian ini diprogramkan ke dalam sebuah komputer yang dipasang dalam talian (on-line) untuk kegunaan para pengguna yang memerlukannya. Satu bilik khas telah disediakan bagi tujuan tersebut.

2. ALATAN MEMBACA BAGI GOLONGAN KURANG PENGLIHATAN DALAM TEKS BAHASA MELAYU

Perisian ini adalah suatu program di mana ia akan membaca teks yang diinputkan oleh pengguna dalam Bahasa Melayu. Teks yang diinputkan boleh membesarlu tulisan kepada saiz yang dikehendaki oleh pengguna sehingga mereka dapat membacanya. Perkataan Bahasa Melayu disimpan dalam pangkalan data bersama sebutan yang betul. Apabila pengguna menginputkan teks ia akan dipecahkan kepada perkataan. Setelah itu,

perkataan tersebut akan dicapai dari pangkalan data dan sebutan bagi perkataan tersebut akan dikeluarkan.



Antaramuka Sistem

Kelebihan Perisian

- Dapat membaca teks Bahasa Melayu dengan sebutan
- Dapat membaca perkataan Bahasa Melayu dengan sebutan baku yang betul

Kelemahan Perisian

- perkataan yang disimpan dalam pangkalan data adalah terhad
- perkataan yang tidak terdapat dalam pangkalan data tidak dapat dibaca atau mengeluarkan sebutan
- hanya perkataan disimpan dalam pangkalan data dan bukan sukukata. Sekiranya sukukata disimpan semua sukukata dapat disimpan dan semua perkataan Bahasa Melayu dapat dikenalpasti

METODOLOGI

METODOLOGI SISTEM

3.1 PENGENALAN

Methodologi boleh ditakrifkan sebagai koleksi prosedur, teknik, peralatan dan pertolongan dokumentasi. Semua ini membantu pembangun perisian untuk mempercepatkan dan memudahkan proses pembangunan perisian. Metodologi boleh mengandungi beberapa fasa yang juga boleh mengandungi sub-fasa. Fasa-fasa ini boleh membantu pembangun untuk memilih teknik yang sesuai. Ia juga boleh membantu pembangun sistem untuk merancang, mengurus, mengawal dan menilaikan maklumat projek .

3.2 OBJEKTIF

Metodologi merupakan cara kita melakukan kerja. Objektif-objektif metodologi adalah seperti berikut :

- Merekodkan dengan tepat keperluan sesuatu maklumat dalam sistem.
- Menyediakan metod pembangunan yang sistematik supaya segala progres dapat diawasi.
- Menyediakan had masa yang sesuai dan belanjawan yang berbaloi.
- Menghasilkan sistem yang lengkap dokumantasinya dan mudah untuk diselenggarakan
- Menyediakan sistem yang ramah pengguna (*user friendly*) .

3.3 PENDEKATAN PEMBANGUNAN

Dalam membangunkan sesuatu perisian, pendekatan yang berkesan haruslah dipilih secara bijak supaya sesuatu projek itu berjaya. Beberapa metodologi telah dikenalpasti yang dapat menghasilkan sesuatu projek itu dengan berjaya. Antaranya adalah termasuklah model air tejun, model pemprototaipan, model SDLC (*Software Development Life Cycle*), model RAD (*Rapid Application Design*). Sistem akan dibangunkan dengan menggunakan model RAD dan konsep yang digunakan adalah berdasarkan HCI (*Human Computer Interaction*).

3.4 RAPID APPLICATION DEVELOPMENT (RAD)

RAD merupakan teknik yang melibatkan penglibatan pengguna dengan cepat dan pembinaan evolusi dalam pembinaan prototaip untuk mempercepatkan proses pembangunan sistem.

Idea-idea utama dalam RAD adalah :


- Untuk melibatkan pengguna sistem dalam aktiviti analisis, rekabentuk dan pembinaan.
- Untuk mengendalikan pembangunan sistem kepada siri-siri yang difokuskan dan bengkel yang melibatkan pemegang saham .
- Untuk mempercepatkan analisis keperluan dan fasa rekabentuk menerusi pendekatan pembinaan iteratif.
- Untuk mengurangkan bilangan masa sehingga pengguna melihat perkembangan sistem.

RAD menggunakan prototaip untuk mempercepatkan analisis keperluan dan rekabentuk sistem.

Prototaip merupakan skala yang lebih kecil, model kerja dan perwakilan kepada keperluan pengguna atau rekabentuk yang dicadangkan untuk sistem maklumat.

Prinsip asas bagi pemprototaipan ialah mengenalpasti apa yang dikehendaki oleh pengguna dan melihat cara ia bekerja. Dalam RAD, sesuatu prototaip selalunya berubah kepada sistem maklumat terakhir. (Sila lihat helaian sebelah)

Rajah di bawah merupakan contoh perjalanan RAD.



Kajian awal

- Semua projek harus dirancang dan diskopkan dalam fasa ini.

Masalah

- Dalam fasa ini, analisis masalah , analisis keperluan dan analisis keputusan digabungkan untuk menjadi fasa analisis yang cepat. Keperluan pernyataan merangkumi semua model sistem, tetapi bukan semuanya dalam peringkat yang sama.

Rekabentuk

- Selepas mengalami peringkat analisis, pendekatan RAD akan mengulang menerusi gelung pemprototaipan (fasa 3-6) sehingga prototaip dikenalpasti sebagai sistem calon untuk implementasi.

Pembinaan

- Rekabentuk mungkin memerlukan model, oleh sebab itu prototaip dibina dalam fasa ini.
- Fasa ini dipaparkan dengan simbol yang lebih besar untuk mengurangkan masa yang yang digunakan untuk membina prototaip.

Implementasi

- Ini adalah versi sistem yang diletakkan kepada operasi.

Analisis

- Fasa ini akan dilawati semula sekiranya mendapat maklumbalas yang berguna daripada pengguna. Fasa ini bertujuan untuk memfokus dan merujuk kepada keperluan dan poenekanan pengguna.

Walaupun keperluan untuk RAD ini tidak tegas, tempoh masa yang diperlukan untuk gelung pemprototaipan boleh dihadkan menggunakan teknik *timeboxing*.

Timebox merupakan masa yang tidak boleh dipanjangkan, selalunya 60 hingga 120 hari, di mana sistem calon mesti diletakkan dalam operasi.

3.4.1 Kebaikan menggunakan RAD.

Untuk melengkapkan projek Latihan Ilmiah ini, saya telah memilih metodologi dengan menggunakan model RAD atau Rapid Application Design. Ini adalah kerana :

- Berguna kepada projek di mana keperluan pengguna adalah tidak pasti/tidak tepat.
- Ia menggalakkan penglibatan pengguna . Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan pengguna akhir dalam projek ini.
- Projek ini memerlukan keterlihatan yang tinggi dan sokongan kerana penglibatan pengguna melalui proses pembangunan.
- Ralat dan kesalahan dapat dikenalpasti di peringkat awal semasa dalam proses prototaip lagi.
- Pengujian dan latihan merupakan produk semulajadi kerana pengguna sudah biasa menggunakan perisian tersebut.
- Pendekatan iteratif lebih berkesan kerana perubahan merupakan faktor semasa pembangunan.
- Ia mengurangkan risiko kerana kita dapat penyelesaian teknikal secara iteratif sebaliknya dengan menggunakan model lain kita terpaksa membuat sebarang penyelesaian terhadap seluruh komitmen.

3.4.2 Keburukan menggunakan RAD

Setiap sesuatu model itu mempunyai kebaikan serta keburukannya. Ini termasuklah metodologi dengan menggunakan RAD ini. Antaranya adalah :

- Ia menggalakkan penggunaan “kod, implementasi dan pembetulan”. Secara tidak langsung ia akan meningkatkan kos untuk mengoperasikannya, sokongan dan penyelenggaraan sistem.
- Prototaip mungkin menyelesaikan masalah yang salah kerana analisis masalah telah diringkaskan . Maka, mungkin terdapat beberapa yang diabaikan dan ia menjelaskan sistem.
- Ia mungkin kurang menggalakkan juruanalisis daripada mempertimbangkan penyelesaian lain.
- Boleh mengurangkan kualiti disebabkan jalan singkat yang digunakan semasa fasa analisis

ANALISIS SISTEM

4.1 ANALISIS SISTEM

Sesuai dengan definisi sistem mencakup dua bagian:

Rasionalitas, Realitas dan Komunikasi. Analisis sistem merupakan

proses yang dilakukan untuk mendekomposisi sistem.

Tujuan

Jarak jauh

Kemajuan

Pembangunan

Inovasi

Kepatuhan terhadap standar

ANALISIS SISTEM

Analisis sistem merupakan tahapan awal dalam pelaksanaan audit pendekatan berkualitas.

Analisis sistem bertujuan untuk mendekomposisi sistem yang kompleks.

Dalam analisis sistem, sistem didekomposisi ke dalam bagian-bagian

Analisis sistem juga merupakan analisis teknis. Analisis teknis bertujuan

untuk mendekomposisi sistem ke dalam bagian-bagian yang lebih sederhana.

ANALISIS SISTEM

4.1 DEFINASI ANALISIS SISTEM

Secara amnya, analisa sistem merupakan satu proses penganalisaan terhadap keperluan, masalah dan keputusan sistem. Analisa sistem merupakan teknik penyelesain masalah yang menghurai sesuatu sistem kepada pecahan-pecahan komponennya untuk tujuan pembelajaran bagaimana bahagian komponen tersebut bekerja dan berinteraksi untuk mencapai matlamatnya.

Selalunya, kita membuat analisa sistem ini adalah untuk mempersempitakan kepada rekabentuk sistem. Analisa sistem maklumat akan ditafsirkan kepada fasa pembangunan dalam projek yang difokuskan dalam masalah bisnes, tidak bergantung kepada mana-mana teknologi yang boleh digunakan untuk melaksanakan penyelesaian kepada masalah tersebut.

Analisis masalah mengkaji dan menganalisa sistem yang sedia ada. Sistem tersebut termasuklah sama ada sistem tersebut menggunakan komputer ataupun tidak. Ia akan memberi lebih kefahaman untuk masalah atau peluang yang mulakan sistem ini.

Analisis keperluan pula merangkumi analisa tentang khidmat-khidmat yang disediakan oleh sistem, kekangan-kekangan sistem dan matlamat sistem yang dijalankan.

Di sini kefahaman kepada perisian juga diperlukan bagi memahami maklumat-maklumat domain perisian yang mana termasuklah fungsi yang diperlukan, amtaramuka serta prestasi sesuatu perisian yang dipilih.

Menurut Igor, fasa analisis sistem adalah satu fasa untuk mengkaji apa yang yang dapat dilakukan oleh sistem dan keperluan sistem yang perlu ada (Hawryszkiewyck,1997)[1]. Ini bermakna fasa ini ddapat menentukan 2 jenis keperluan sistem iaitu keperluan fungsian (*functional requirements*) dan buka fungsian (*nonfunctional requirements*). Serta keperluan perkakasan dan perisian untuk memnyokong fungsi-fungsi yang telah dikenalpasti. Di dalam fasa ini juga segala objektif dan masalah sistem dikenalpasti untuk menghasilkan satu huraian berorientasikan pengguna (*user-oriented description*).

4.2 OBJEKTIF ANALISIS SISTEM

Objektif analisa sistem yang dijalankan adalah berdasarkan kepada tujuan-tujuan berikut;

- analisa masalah akan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh sistem yang sedia ada.
- Mengenalpasti apakah keperluan tambahan yang dikehendaki oleh pengguna terhadap perisian yang dibangunkan.
- Membolehkan pemilihan perisian yang baik dan benar-benar berkesan dalam memastikan matlamat dan objektif pembangunan sistem tercapai.
- Menjadikan perisian sebagai perintis kepada perisian yang lebih mantap dan cekap.
- Menghasilkan analisa yang lebih ekonomi dan teknikal.
- Menilai sejauh mana keberkesanannya perisian ini menolong golongan kurang penglihatan.

4.3 ANALISIS MASALAH

Kajian dilakukan ke atas responden iaitu golongan kurang penglihatan untuk mendapatkan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam penggunaan komputer. Dengan berpandukan kepada masalah yang dihadapi oleh golongan tersebut dapat membuat kesimpulan bagaimana sistem perlu dibangunkan.

Di samping itu kajian turut dilakukan atas sistem yang sedia ada yang disediakan oleh saudari Jasmin Nisya. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan sistem supaya sistem yang dibangunkan nanti dapat dielekkan daripada kelemahan tersebut.

4.3.1 KAJIAN KES : PELAJAR UNIVERSITI MALAYA YANG MENGALAMI KECACATAN MATA – KOLEJ KEDIAMAN KETUJUH

Pada amnya, kita sedia maklum bahawa golongan istimewa harus diberi kemudahan yang sewajarnya. Dalam pada itu, kampus kita, Universiti Malaya turut menyediakan pelbagai kemudahan kepada golongan istimewa. Kolej ketujuh merupakan kolej untuk menempatkan golongan istimewa dan ia dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk keperluan mereka.

Saya telah membuat lawatan ke kolej tersebut untuk tujuan menemuramah golongan cacat penglihatan bagi memenuhi keperluan projek saya. Saya telah dipelawa dengan baik oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kolej tersebut. Salah seorang daripada ahli tersebut telah menguruskan satu temujanji bersama seorang pelajar yang mengalami masalah penglihatan.

Beliau bernama Muhamad Arshad yang melanjutkan pelajaran dalam Sarjana Sastera dan Sains Sosial, pengkususan dalam Sejarah, tahun pertama dan berasal dari negeri Johor. Beliau mengatakan bahawa terdapat perisian bagi membaca teks tetapi semuanya dalam Bahasa Inggeris bukan dalam Bahasa Melayu. Kolej kediaman tersebut menyediakan satu bilik khas iaitu Bilik Seri Jati bagi mereka dengan beberapa komputer. Komputer tersebut diprogramkan dengan beberapa program seperti JAWS (Jobs Access With Speech) dan Hall. Walaupun begitu kemudahan ini tidak disediakan di

fakulti. Ini merupakan satu kelemahan dan beliau cadangkan bahawa pihak fakulti harus menyediakan kemudahan tersebut di fakulti.

Tambahan pula, beliau mengatakan bahawa sistem perlu ada dalam Bahasa Melayu. Ini dapat membantu ramai golongan kurang penglihatan untuk meningkatkan tahap pembacaan mereka. Sistem speech yang dibekalkan dapat meningkatkan taraf sebutan baku yang betul. Beliau mencadangkan bahawa sistem yang dibangunkan tidak harus menyulitkan dan sistem perlulah lebih kepada user friendly.

4.3.2 TEMURAMAH : PENSYARAH FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

Temubual bersama Cikgu Malik membincangkan aspek-aspek yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Hasil daripada temuramah ini banyak sokongan didapati untuk membangunkan sistem dengan jayanya. Kaedah ini perlu dilakukan untuk mengkaji dan mengetahui apa permasalahan yang berlaku dan mengetahui situasi sebenar apa yang ingin dikaji. Secara amnya cikgu Malik banyak memberi maklumat tentang sistem sebutan Bahasa Malaysia secara manual. Contohnya,

“Awalan me- boleh tinggal sebagai me- atau boleh menjadi mem-, men-, meng-, meny- atau menge- apabila keadaan berikut muncul :

me-	:	di depan n, ng, ny, l, r, w, y
mem-	:	di depan b, p (p hilang) dan f (f hilang)
men-	:	di depan d, c, j dan t (t hilang)
meng-	:	di depan a, e, i, o, u, g, h, k (k hilang)
meny-	:	di depan s (s hilang)
menge-	:	di depan kata-kata yang terdiri dari sukukata”

4.3.2 :KAJIAN SISTEM YANG SEDIA ADA : ALATAN MEMBACA BAGI GOLONGAN KURANG PENGLIHATAN DALAM TEKS BAHASA MELAYU

Saya telah membuat satu kajian terhadap perisian yang disediakan terlebih dahulu iaitu peralatan membaca bagi golongan kurang penglihatan dalam teks Bahasa Melayu. Tujuan saya ialah mengkaji antara kelemahan- kelemahan yang terdapat dalam sistem tersebut dan meningkatkan sistem tersebut tanpa sebarang kelemahan. Antara kelemahan yang dapat dikaji ialah

- perkataan yang disimpan dalam pangkalan data adalah terhad
- perkataan yang tidak terdapat dalam pangkalan data tidak dapat dibaca atau mengeluarkan sebutan
- hanya perkataan disimpan dalam pangkalan data dan bukan suukata. Sekiranya suukata disimpan semua suukata dapat disimpan dan semua perkataan Bahasa Melayu dapat dikenalpasti

4.4 ANALISIS KEPERLUAN

Dalam fasa ini akan menyatakan apa yang sistem ini perlu buat, tetapi tidak menyatakan bagaimana ia akan dilaksanakan. Tujuan analisis keperluan adalah untuk mengetahui data, proses dan antaramuka yang akan dibangunkan. Ini diperolehi dengan menjalankan soal-selidik, pemerhatian dan penyelidikan kepada pengguna dan pelanggan sistem. Saya juga perlu mendapatkan keperluan fungsi dan keperluan bukan fungsi untuk sistem ini. Masalah bagi peringkat ini adalah agak sukar memisahkan antara apa yang perlu dilakukan dengan bagaimana harus dilakukan.

4.4.1 Keperluan Sistem

Bagi memastikan perisian ini dapat beroperasi sepenuhnya dengan lancar, bahagian ini akan membincangkan tentang keperluan perkakasan dan perisian untuk perlaksanaan sistem.

Keperluan pemilihan perkakasan dan perisian ini perlu bagi menjamin kemampuan sistem memenuhi objek-objektif yang telah digariskan.

Berikut merupakan perkakasan serta pilihan perisian yang sesuai.

4.4.1.1 Keperluan Perkakasan

- Pemproses Pentium II dan ke atas .
- Memori 32 MB RAM dan ke atas.
- Cakera keras 4.3 GB dan ke atas
- CD-ROM
- Tetikus dan papan kekunci
- Mikrofon dan pembesar suara
- Kad suara
- Monitor SVGA

4.4.1.2 Keperluan Aplikasi

Aplikasi pembangunan sistem	Visual Basic 6.0
Aplikasi pangkalan data	MS Access 2000
Perisian untuk dokumentasi	MS Word 2000 Notepad Wordpad
Perisian untuk Audio	Sound Forge

4.4.1.3 Pemilihan Aplikasi – Visual Basic 6.0

Visual Basic 6.0 dipilih sebagai bahasa pembangunan sistem adalah berdasarkan kepada ciri-ciri keistimewaan yang dimilikinya. Di antaranya ialah:

- i) Visual basic 6.0 adalah berdasarkan antaramuka pengguna bergrafik (GUI).
- ii) Visual basic 6.0 boleh diintegrasikan dengan pengkalan data seperti MS Access.
- iii) Kesesuaian dengan sistem pengendalian Windows
- iv) Menggunakan konsep pengaturcaraan bermodul. Pengesahan ralat lebih mudah dengan hanya memfokuskan kepada modul yang bermasalah sahaja. Modul-modul lain boleh dilarikan tanpa sebarang masalah.
- v) Ia popular dan penggunaanya yang meluas untuk Bahasa Pengaturcaraan
- vi) Ia menyediakan bahasa skrip yang dipanggil *VBScript* untuk mengawal dan menghasilkan antaramuka yang interaktif
- vii) Ia juga menyokong Pengaturcaraan Berorientasikan Objek (OOP)

4.4.1.4 Pemilihan Aplikasi Audio – Sound Forge

Perisian penyunting bunyi

a) Sound Forge

Sound Forge adalah penyuntig audio yang paling digemari dan popular pada masa kini. Ia mengandungi banyak elemen yang memudahkan untuk pengeditan, penguatan suara dan berbagai-bagai elemen penyunting audio yang menarik. Ia juga boleh menambahkan suara yang dikehendaki dengan mudah.

b) GoldWave

GoldWave adalah penyunting audio digital. Ia mengandungi banyak pekara yang menarik yang dapat menarik perhatian pengguna, ia boleh:

- Mainkan. Ubah, campur dan analisis audio
- Mengaplikasikan kesan khas.
- Menyimpan dan mejana semula kerja pendigitalan rakaman dengan mengurangkan hingar dan menapis ‘pop’ atau klik.
- Membuat penyalinan CD audio digital dengan menggunakan peralatan CD audio.
- Merakam audio melalui kaset, rekod, radio dan sebagainya
- Mенukarkan fail kepada beberapa format yang berbeza seperti **wav**, **mp3**, **ogg**, **aiff**, **au**, **vox** dan boleh juga data binari yang asas.

4.4.2 Analisis keperluan

Terdapat dua jenis keperluan yang perlu dititikberatkan iaitu keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian.

4.4.2.1 Keperluan Fungsian

Keperluan fungsian adalah fungsi atau kebolehan-kebolehan yang boleh dilakukan oleh sesuatu sistem. Keperluan fungsian juga menerangkan interaksi antara sistem dan persekitaran sistem atau penyelesaian implementasi ke atas masalah yang dihadapi oleh pengguna (Sommerville, 1987)[2]. Ia juga merupakan penerangan aktiviti dan perkhidmatan perisian yang mesti disediakan.[5].

Ia juga merupakan kebolehgunaan yang diharapkan oleh pengguna dari peralatan ini. Dengan adanya fungsi-fungsi ini sistem dapat dilaksanakan sepenuhnya. Keperluan fungsian bagi peralatan membaca untuk golongan cacat penglihatan ialah – (Menu bar disetkan kepada Bahasa Inggeris untuk memudahkan pengguna *Screen Reader*) :

- **Menu Fail**

Menu fail ini disetkan dengan fungsian yang piaawai seperti aplikasi Windows yang lain. Antara yang terdapat dalam menu bar Fail ini ialah Baru, Buka, Simpan, Simpan Sebagai,Cetak dan Keluar. Semua fungsi ini penting untuk memulakan penggunaan peralatan.

- **Menu Sunting**

Menu Sunting mempunyai fungsian seperti Batal, Potong, Salin, Tampal dan Pilih Semua. Menu ini membenarkan pengguna untuk mengubah teks yang dipaparkan. Fungsinya sama sahaja seperti aplikasi yang lain.

- **Menu Bantuan**

Menu ini merupakan menu bantuan yang diperlukan untuk pengguna pertama kali. Menu ini juga dimasukkan mengenai akan merekodkan semua yang terlibat dalam menjayakan projek untuk tujuan penghargaan.

- **Butang “Baca”**

Setelah pengguna memilih atau menaip teks untuk dipaparkan, butang ini perlu diklik untuk sistem membacakan teks tersebut. Fungsian ini akan membacakan teks perkataan demi perkataan yang *highlited*, ini adalah bertujuan untuk pengguna tidak hilang kawalan dimana sistem sedang membacakan teks.

- **Pengawal Tulisan**

Fungsian ini amat berguna bagi golongan cacat penglihatan untuk melihat dengan lebih jelas teks yang dipaparkan. Fungsian ini mampu membesaraskan tulisan dan sebaliknya berdasarkan keperluan pengguna. Fungsian ini dilakukan dengan hanya mengawal *slider* yang terdapat pada antaramuka.

4.4.2.2.1 Keperluan Bukan Fungsian

Keperluan bukan fungsian ialah penerangan sistem, ciri-ciri dankekangan yang terdapat dalam sistem yang baik. Ia diperlukan dalam melaksanakan operasi dan piawaian sistem. Antara keperluan bukan fungsian yang diperlukan ialah :

- **Kebolehgunaan Antaramuka**

Antaramuka yang direka mesti mempunyai ciri-ciri kebolehgunaan yang tinggi. Metafor antaramuka yang digunakan mestilah membolehkan pengguna memilih menu dan butang yang diperlukan dengan berkesan.

- **Rekabentuk Dan Kestabilan Paparan**

Beberapa aspek perlu diambil kira untuk menghasilkan antaramuka yang baik untuk pengguna. Antara yang perlu ditekankan ialah:

- i. Menyediakan capaian papan kekunci kepada semua yang terdapat dalam sistem. Dimana ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan buta sepenuhnya menggunakan sistem kerana mereka tidak pernah menggunakan tetikus untuk berinteraksi dengan komputer.
- ii. Mengikut garis panduan cara pemetaan fungsian yang piawai untuk persekitaran yang biasa digunakan. Ini adalah kerana memudahkan pengguna celik komputer menggunakan komputer.
- iii. Mengelakan konflik capaian papan kekunci dengan menyediakan dua cara capaian yang sama untuk dua fungsi yang berlainan.
- iv. Menyediakan capaian papan kekunci dan tetikus untuk fungsian yang disediakan supaya pengguna dapat memilih cara interaksi yang lebih selesa.
- v. Mengelakan menempatkan fungsi yang biasa digunakan didalam struktur menu yang sukar dicapai. Struktur menu yang sukar dicapai akan menyebabkan pengguna hilang kawalan maka kebolehgunaan sistem akan berkurang.

- vi. Jangan menggunakan aplikasi dengan warna yang berat kerana golongan cacat penglihatan tidak tahan melihat warna terang dengan jangkamasa yang lama. Aplikasi dengan warna berat akan menyebabkan mata mudah penat dan tidak lagi dapat menggunakan sistem pada masa itu.
- vii. Jangan menggunakan atribut grafik yang berat seperti garisan, sempadan dan bayang-bayang yang boleh mengelirukan pengguna.
- viii. Jangan menggunakan jenis dan saiz tulisan yang sukar dilihat. Menggunakan jenis tulisan yang piawai dengan saiz yang besar.
- ix. Menyediakan penerangan nama untuk setiap komponen antaramuka dan objek yang menggunakan grafik sebagai peganti tulisan.

- **Ketepatan Dialog**

- i. Tidak menggunakan bahasa komputer jargon.
- ii. Tidak menggunakan singkatan yang tidak difahami
- iii. Menggunakan ayat yang mudah tetapi tepat dan jelas maksudnya.

- **Kekonsistensian**

kekonsistensian perlu dimana setiap tulisan dan warna yang sama digunakan pada satu antaramuka.

- **Masa Lengahan**

Masa maklumbalas untuk bacakan teks yang dipaparkan haruslah cepat mengikut kesesuaian. Bermaksud jangan terlalu laju dan jangan pula sebaliknya yang hanya membosankan pengguna. Begitu juga fungsian yang lain yang terdapat dalam menu dimana akan membuang masa jika terlalu lama masa lengahan yang diambil. Contohnya jika pengguna memilih untuk keluar dengan menu Exit, maka masa tindakbalas untuk pengguna keluar dari sistem mestilah tidak mengambil masa yang lama.

- **Jelas Dan Mudah Difahami**

Antaramuka, jenis butang dan slider yang dipilih perlulah jelas maksub untuk disampaikan kepada pengguna. Penggunaan ikon atau grafik adalah kurang sesuai kerana setiap individu menakrifnya dengan pelbagai persepsi yang berbeza dan ini membuatkan sistem sukar untuk difahami.

4.5 ANALISA KEPUTUSAN

Bagi fasa ini saya telah menyediakan tugasannya hirarki dengan menggunakan teknik Analisis Tugasan Berhierarki (Hierarchical Task Analysis - HTA) oleh Raja Jamilah and et. Al 1999)


Analisis Tugas Berhierarki (HTA) penting dalam perlaksanaan sesuatu projek. HTA akan digambarkan dalam bentuk carta akan menentukan apa sebenarnya yang akan dilakukan oleh sistem apabila ia siap sepenuhnya. Ia menunjukkan bagaimana sistem beroperasi dan berkomunikasi dengan modul-modul lain.

Di bawah menunjukkan penunjuk bagi simbol-simbol yang digunakan dalam carta HTA.

PETUNJUK	
*	Tugasan ulangan
o	Tugasan pilihan
&	Tugasan yang dilakukan pada masa yang sama.
W-x	Menunggu unit masa x
#	Tugasan yang boleh dilakukan dalam mana-mana turutan

4.4.2 ANALISIS TUGASAN BERHIRARKI

Rajah 4.1: Carta Analisis Tugas Berhirarki



REKABENTUK SISTEM

REKABENTUK SISTEM

5.1 PENDAHULUAN

Rekabentuk sistem adalah satu fasa di mana keperluan-keperluan sistem ditransformasikan kepada ciri-ciri sistem yang dimodulkan oleh entiti yang akan dibangunkan (Hawryzkiewycz, 1997)[1]. Rekabentuk ini adalah proses kreatif yang memerlukan pemahaman dan kebolehan semulajadi perekabentuk bagi menukar masalah kepada sesuatu bentuk penyelesaian. Ia mesti dilatih dan dipelajari berdasarkan pengalaman dan mengkaji sistem yang sedia ada. (Pressman, 1997)[3].

Tujuan fasa rekabentuk ini adalah untuk mencipta model konseptual bagi antaramuka. Sebelum memulakan fasa ini, pembangun perlu mengumpul semua keputusan daripada fasa analisis. Kemudian barulah memulakan proses rekabentuk yang dikehendaki. Rekabentuk antaramuka pengguna grafik adalah penting kerana ianya adalah paparan yang akan dilihat oleh pengguna. Untuk merebentuk antaramuka pengguna ia memerlukan beberapa kebolehnya, termasuklah kejuruteraan perisian, rekabentuk grafik dan psikologi. Didalam projek ini, rekabentuk perlaksanaan satu alatan pembaca Bahasa Melayu berdasarkan perbendaharaan kata tak tersekat, 3 bahagian iaitu:

1. Rekabentuk Struktur Sistem
2. Rekabentuk Antaramuka
3. Rekabentuk text – to – speech


5.2 REKABENTUK STRUKTUR SISTEM

Rekabentuk struktur sistem adalah suatu proses dimana segala keperluan akan ditafsirkan dalam bentuk persembahan perisian. Persembahan perisian ini dikenali sebagai rekabentuk antaramuka antaramuka pengguna. Antaramuka pengguna merupakan satu ciri penting untuk menilai sesuatu sistem itu sama ada iaanya merupakan satu sistem yang baik ataupun tidak.

Fasa ini merupakan proses merekabentuk sistem dan antaramuka berdasarkan maklumat yang diperolehi dari fasa analisis keperluan dan spesifikasi. Carta berstruktur adalah ciri yang paling asas untuk merebantuk struktur sistem. Ia memaparkan interaksi dan hubungan antara fungsian yang terdapat didalam peralatan ini. Berikut merupakan carta berstruktur bagi peralatan membaca ini berserta dengan penerangan ringkas bagi fungsian yang boleh dilakukan didalam perisian.

5.2.1 CARTA BERSTRUKTUR


Berikut adalah modul- modul utama yang terdapat dalam antaramuka utama



Rajah 5. 1 : Hirarki antaramuka

i) **Modul Fail**


Modul ini bertujuan untuk membuka fail, membuka halaman baru, menyimpan dan mencetak .



Rajah 5.2: Menu File

ii) **Modul Sunting**


- Modul ini seperti modul edit yang terdapat di dalam MS Word . Ia bertujuan untuk membolehkan pengguna meniru kembali patah perkataan yang telah ditulis.



Rajah 5.3: Menu Edit

iii) Modul Mengenai

Modul ini merangkumi cara-cara untuk menggunakan sistem ini.



Rajah 5.4 : Menu Mengenai

iv) Modul Baca Teks

Modul ini membolehkan pembacaan teks dalam teks Bahasa Malaysia.

v) Modul Pembesaran Teks

Modul ini membolehkan pembesaran tulisan yang bersesuaian dengan tahap penglihatan golongan kurang penglihatan ini.

5.3 REKABENTUK ANTARAMUKA

Rekabentuk antaramuka merupakan salah satu aktiviti yang terkandung dalam rekabentuk sistem yang mana ia bermatlamat untuk menyediakan caara terbaik untuk pengguna berinteraksi dengan komputer, atau lebih dikenali sebagai interaksi komputer-insani (HCI). Rekabentuk antaramuka yang baik merupakan satu elemen yang dititikberatkan dalam pembangunan sistem ini kerana memberi impak kepada kejayaan sistem dan kepuasan pengguna sistem. Pengguna tidak mahu membuangkan masa yang banyak untuk mempelajari suatu sistem. Mereka hanya cenderung menjadikan komputer sebagai alat pemudah kerja. Oleh itu, antaramuka yang baik boleh membantu untuk mencapai sasaran ini.


Terdapat 4 panduan untuk merekabentuk antaramuka pengguna (Kendall, 1992)[4].

- Memastikan antaramuka adalah mudah.
 - memastikan antaramuka tidak memberikan masalah kepada pengguna.
- Memastikan persembahan antaramuka yang konsisten.
 - setiap aspek antaramuka perlu berada dalam keadaan dan cara yang konsisten pada setiap masa untuk semua skrin. Terminologi, ikon, dan warna mesti mempunyai ciri-ciri yang konsisten di antara skrin.

- Menyediakan perkhidmatan pergerakan antaramuka pengguna yang jelas.
 - pergerakan pengguna yang jelas juga penting untuk mengekalkan rekabentuk antaramuka yang sesuai. Ia bertujuan untuk memudahkan pengguna mempelajari perisian dalam jangka masa yang singkat.
- Mencipta antaramuka yang menarik
 - sesuatu rekabentuk antaramuka mestilah dapat menarik minat pengguna di mana pembangun mestilah bijak dan kreatif dalam memilih dan menghasilkan skrin yang menarik dan bersesuaian dengan perisian yang akan dibangunkan.

5.3.1 SKRIN ANTARAMUKA


Rekabentuk Antaramuka Utama



Rajah 5.5: Rekabentuk Menu Utama

Berdasarkan rajah di atas, menu utama merupakan halaman pertama paling penting kerana ia membenarkan navigasi ke modul-modul seterusnya. Di bahagian atas terdapat 3 menu utama, iaitu menu Fail, menu Sunting dan menu Mengenai. Pengawal pembesaran tulisan,kami akan menggunakan slider untuk menggerakkan pengawalan saiz font. Butang baca teks adalah untuk mengeluarkan suara apabila pengguna mengklik butang tersebut.


Rekabentuk Menu File



Rajah 5.6 : Rekabentuk menu Fail

Menu File di atas adalah seperti standard yang terdapat dalam mana-mana perisian pemprosesan perkataaan. Ia bertujuan untuk membuka helain baru bagi “Baru”. Untuk “Buka” pula ia bertujuan untuk membuka mana-mana fail teks elektronik yang disimpan dalam cakera. “Simpan” dan “Simpan Sebagai” mempunyai fungsi yang sama iaitu, menyimpan fail yang telah diubahsuai. Bagi “Cetak” pula , ia akan mencetak sebarang paparan teks yang tertulis di ruang kosong paparan teks. Untuk “Keluar ” pula membenarkan pengguna keluar dari perisian.


Rekabentuk menu Sunting



Rajah 5.7 : Rekabentuk menu Edit


Menu Edit ini juga lebih kurang sama fungsinya dengan mana-mana perisian *word processor*. Fungsinya juga sama dengan mana-mana menu Edit yang terdapat di perisian. Ia berfungsi supaya data yang dimasukkan dapat diubahsuai, sama ada *Batal*, *Salin*, *Potong*, *Tampal*, *Pilih Semua* dan lain-lain lagi.

Rekabentuk menu Help



Rajah 5.8: Rekabentuk menu Help

Di mana-mana perisian yang wujud di dunia ini mesti mempunyai butang Help. Ia bertujuan untuk menolong pengguna menggunakan sistem dengan lebih berkesan serta cepat. Bagi menu ini, ia terbahagi kepada 1. Iaitu About. Ia bertujuan menolog pengguna yang kurang mahir menggunakan sepenuhnya perisian yang akan diwujudkan.




Rajah 5.9: Antaramuka Sistem

5.3.2 CARTA ALIR

Carta alir merupakan salah satu carta yang boleh digunakan untuk menunjukkan aliran aturcara atau proses bagi setiap modul. Setiap rajah aliran data menggambarkan secara terperinci bagaimana setiap modul beroperasi dan dilaksanakan. Kawalan logik juga digunakan untuk mengawal aktiviti perlaksanaan setiap modul. Di bawah merupakan simbol-simbol dalam carta alir yang akan digunakan beserta penerangannya.

Simbol	Penerangan
	Proses melaksanakan operasian bagi peralatan ini
	Pilihan perlaksanaan
	Entiti dimana kejadian berlaku
	Simbol tamat proses
	Mewakili proses perlaksanaan atau pemilihan menu seterusnya

Jadual 5.1: Penerangan mengenai simbol Carta Alir



Rajah 5.10: Carta Alir

5.4 REKABENTUK TEXT – TO – SPEECH

5.4.1 KATEGORI SYLLABLE

Kita sedia maklum bahawa dalam Bahasa Melayu terdapat dua kluster iaitu konsonan dan vokal. Ababila ia digabungkan ia boleh membentuk 2 kategori yang berlainan seperti :

1. konsonan + vokal

$$C + V = CV$$

Contohnya : mu, ja

2. konsonan + vokal + konsonan

$$C + V + C = CVC$$

Contohnya : gun, han

5.4.2 ALGORITMA BAGI DUA SUKUKATA

4 KEMUNGKINAN BAGI PERKATAAN DENGAN 2 SUKUKATA

1. K1

CV + CVC

ma + kan ε makan

2. K2

CVC + CV

pin + tu ε pintu

3. K3

CVC + CVC

tun + tun ε tuntun

4. K4

CV + CV

pa + da ε pada

ALGORITMA (2 SUKUKATA) BUNYI_TOKEN

Berikut merupakan algoritma bagi sekiranya pengguna menginput perkataan dengan dua suukata.

1. Pecahkan token (perkataan) kepada 2 suukata (Pecah_Token)
 - 1.1 Bagi setiap suukata, kategorikan kepada CV atau CVC
 - 1.2 Bagi setiap token, tentukan sama ada ia K1 atau K2 atau K3 atau K4.
2. Bagi setiap suukata, capai bunyi dari pangkalan data suukata dan keluarkan bunyinya.

5.4.3 ALGORITMA BAGI SEBARANG SUKUKATA

KEMUNGKINAN BAGI PERKATAAN DENGAN BERBILANG SUKUKATA

1. K1

CV atau CVC + CV atau CVC + CV atau CVC + CV atau CVC

ALGORITMA (BERBILANG SUKUKATA) BUNYI_TOKEN

Berikut merupakan algoritma bagi sekiranya pengguna menginput perkataan dengan berbilang suukata.

1. Pecahkan token (perkataan) kepada suukata (Pecah_Token)
 - a. Bagi setiap suukata, kategorikan kepada CV atau CVC
2. Bagi setiap suukata, capai bunyi dari pangkalan data suukata dan keluarkan bunyinya.

PENGATURCARAAN

PENGATURCARAAN

6.1 PENGENALAN

Selepas fasa rekabentuk sistem, fasa yang seterusnya adalah fasa pengujian dan pengimplementasian. Dalam fasa ini, semua modul-modul dan fungsi-fungsi yang direkabentuk diintegrasikan kepada pennghasilan sebuah sistem berdasarkan kepada kerpeluan-keperluan yang disenaraikan. Dalam merealisasikannya, perkakasan, perisian dan bahasa pengaturcaraan yang sesuai amat diperlukan. Dalam kes ini, pemilihan peralatan pengaturcaraan (*coding tool*) perlu dilakukan. Dalam hal ini, peralatan pengaturcaraan yang dipilih haruslah berupaya menawarkan kemudahan yang dapat membangunkan keperluan fungsian sistem.

Perkara peting yang terdapat dalam bab ini adalah seperti berikut:

- Peralatan pengaturcaraan
- Pendekatan dan kaedah pengaturcaraan
- Dokumentasi

6.1.1 PERALATAN PENGATURCARAAN

Peralatan yang dimaksudkan adalah bahasa pengaturcaraan yang digunakan atau yang dipilih. Di samping itu, dengan adanya perisian serta bahasa pengaturcaraan yang bersesuaian memudahkan proses perlaksanaan system terutamanya dalam membuat lakaran dan rekabentuk antaramuka supaya lebih menarik.

Selain perisian, perkakasan juga dititikberatkan dalam menjamin perlaksanaan adalah selari dengan kehendak dan keperluan system. Peralatan perkakasan yang digunakan adalah:

- ❖ Pentium 166 Mhz dan ke atas CPU
- ❖ 512K Pipeline Burst Cache
- ❖ 64 MB RAM
- ❖ Pemacu cakera liut
- ❖ 2.1GB dan ke atas Cakera Keras
- ❖ 48X dan ke atas Pemacu CD-ROM
- ❖ Pencetak
- ❖ Lain-lain komponen standard komputer peribadi

Sebagaimana yang telah sedia maklum, perisian aplikasi yang digunakan adalah bahasa pengaturcaraan Visual Basic Enterprise Edition Version 6.0. Visual Basic 6.0 dipilih sebagai bahasa pembangunan sistem adalah berdasarkan kepada ciri-ciri keistimewaan yang dimilikinya.

Di antaranya ialah:

- i) Visual basic 6.0 adalah berdasarkan antaramuka pengguna bergrafik (GUI).
- ii) Visual basic 6.0 boleh diintegrasikan dengan pengkalan data seperti MS Access.
- iii) Kesesuaian dengan sistem pengendalian Windows

- iv) Menggunakan konsep pengaturcaraan bermodul. Pengesahan ralat lebih mudah dengan hanya memfokuskan kepada modul yang bermasalah sahaja. Modul-modul lain boleh dilarikan tanpa sebarang masalah.
- v) Ia popular dan penggunaanya yang meluas untuk Bahasa Pengaturcaraan
- vi) Ia menyediakan bahasa skrip yang dipanggil *VB Script* untuk mengawal dan menghasilkan antaramuka yang interaktif
- vii) Ia juga menyokong Pengaturcaraan Berorientasikan Objek (OOP)
- viii) Aplikasi yang lengkap dan canggih boleh direka dengan mengeksplotasikan sifat kekunci Microsoft Windows termasuk antaramuka pelbagai dokumen (*Multiple Document Interface – MDI*), *object linking and embedding (OLE)*, *Dynamic Data Exchange (DDE)*, grafik dan banyak lagi.
- ix) Ia boleh dikembangkan dengan menambah *Custom Controls* dan memanggil prosedur dalam *Dynamic-Link Libraries (DLLs)*.

6.1.2 PENDEKATAN PENGATURCARAAN

Pendekatan yang digunakan ialah dengan menggunakan pendekatan atas-bawah melibatkan modul perisian peringkat tinggi yang mana ia diwakilkan dalam bentuk fungsi dan prosedur.

Melalui pendekatan ini, pembangunan projek dapat dilakukan dengan lebih efisien di mana tumpuan rekaan dan implementasi diberikan kepada setiap sub-fungsi tersebut sebelum ianya membentuk sistem yang sebenar secara keseluruhan. Ini dapat

mengelakkan masalah ketidakcekapan atau kekurangan fungsi sistem apabila dilaksanakan kelak.

